

## **Kesalahan Penentuan Golongan Kata Bahasa Melayu - Satu Pendekatan Analisis**

**Vijayaletchumy Subramaniam<sup>1\*</sup>, Pavitira Nagaraju<sup>2</sup>, Dahlia Janan<sup>3</sup> dan Mohamed Thariq Hameed Sultan<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>*Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia*

<sup>2</sup>*Department of Malay Language, Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University of Malaysia, Pagoh Campus, 84600 Muar, Johor, Malaysia*

<sup>3</sup>*Department of Malay Literature Language, Faculty of Languages and Communication, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

<sup>4</sup>*Department of Aerospace Engineering, Faculty of Engineering, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Golongan kata seperti Kata Nama (KN), Kata Kerja (KK), dan Kata Adjektif (KA) merupakan komponen penting dalam pembentukan ayat, namun masih menjadi cabaran bagi murid bukan penutur jati bahasa Melayu. Kajian ini meneliti tahap penguasaan dan jenis kesalahan murid sekolah jenis kebangsaan (Tamil) dalam menentukan golongan kata berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa (Corder, 1973). Data daripada 134 murid cemerlang Tahun 6 di dua buah SJK(T) dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif, melibatkan ujian bertulis tentang golongan kata. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelemahan ketara dalam kalangan murid, di mana 50% masih belum mencapai tahap minimum, manakala 11.9% hanya mencapai tahap minimum. Terdapat empat jenis kesalahan utama yang dikenal pasti, iaitu pemilihan imbuhan yang salah, penambahan atau penguguran huruf selepas menerima imbuhan, serta penyusunan imbuhan KK dan KN yang salah. Kesalahan baharu turut ditemukan, iaitu pengabaian unsur penting semasa menentukan golongan kata. Implikasi kajian ini mencadangkan penambahan kemahiran baharu dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk membantu

murid menguasai penggolongan kata dengan lebih baik. Kesalahan ini perlu diatasi untuk memastikan bahawa murid dapat membina ayat yang gramatis serta memudahkan pembelajaran tatabahasa yang lebih kompleks.

### **ARTICLE INFO**

#### *Article history:*

Received: 09 December 2025

Accepted: 15 March 2026

Published: 30 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.34.2.04>

#### *E-mail addresses:*

[vletchumy@upm.edu.my](mailto:vletchumy@upm.edu.my) (Vijayaletchumy Subramaniam)

[pavitiranagaraju@iium.edu.my](mailto:pavitiranagaraju@iium.edu.my) (Pavitira Nagaraju)

[dahlia@fbk.upsi.edu.my](mailto:dahlia@fbk.upsi.edu.my) (Dahlia Janan)

[thariq@upm.edu.my](mailto:thariq@upm.edu.my) (Mohamed Thariq Hameed Sultan)

\* Corresponding author

*Kata Kunci:* Kesalahan bahasa, imbuhan, maksud perkataan, murid penutur bukan jati, penentuan golongan kata

## ***Errors in Word Classes Categorisation - An Analytical Approach***

### **ABSTRACT**

*Word classes such as Nouns (KN), Verbs (KK), and Adjectives (KA) constitute fundamental elements in sentence construction, yet they remain challenging for non-native Malay learners. This study investigates the level of mastery and types of errors in word-class determination among pupils in Tamil vernacular schools, grounded in Corder's (1973) Error Analysis Theory. Data were collected from 134 high-achieving Year 6 pupils across two SJK(T) schools and analysed using a descriptive quantitative approach through a written test on word classes. The findings reveal notable weaknesses, with 50% of pupils failing to reach the minimum proficiency level and 11.9% attaining only the minimum standard. Four primary error categories were identified: incorrect affix selection, addition or omission of letters after affixation, and misarrangement of affixes in verbs (KK) and nouns (KN). Additionally, a new type of error was also identified, namely the neglect of essential elements when determining word classes. The implications of this study highlight the need to incorporate new language skills into the Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) as recommended by the Curriculum Development Division, to better support pupils' mastery of word classification. Addressing these errors is vital to ensure pupils' ability to construct grammatically accurate sentences and to scaffold the acquisition of more complex grammatical structures.*

Keywords: *Affixes, language errors, meaning of the word, non-native speaker, word class determination*

### **PENGENALAN**

Menurut N. Karim et al. (2015), tatabahasa berfungsi sebagai kerangka untuk membolehkan penutur menyusun kata dan ayat secara teratur agar dapat difahami oleh orang lain. Oleh sebab itu, Standard Kurikulum Bahasa Melayu untuk sekolah jenis kebangsaan menetapkan seseorang dapat berkomunikasi dan menghasilkan penulisan yang baik menggunakan golongan kata yang betul untuk merealisasikan objektif utama kerangka kurikulum (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2021). Perkara ini turut dipersetujui oleh Khisham Isa et al. (2021) yang menyatakan bahawa konsep tatabahasa terbukti membolehkan murid membentuk penulisan yang mantap dan dapat digunakan dalam komunikasi seharian.

Namun, penggunaan bahasa yang tidak betul semakin berleluasa sehingga mencemarkan keaslian bahasa. N. Karim (1986) telah mendefinisikan pencemaran bahasa sebagai pengingkaran hukum bahasa yang telah ditetapkan terutama dalam bidang morfologi yang melibatkan kata. Selain itu, pembelajaran bahasa Melayu menjadi cabaran kepada penutur bukan jati, terutamanya dari aspek penguasaan golongan kata dalam kalangan murid masih menjadi tanda persoalan. Oleh sebab itu, kajian yang melibatkan kecekapan berbahasa terutamanya dalam kalangan murid yang terdiri daripada penutur bukan jati perlu dijalankan secara giat supaya dapat dijadikan sebagai satu landasan kepada murid (Nahar, 2020).

Hal ini kerana ciri-ciri struktur intrinsik bahasa kedua memainkan peranan yang penting dalam menentukan kebolehan seseorang murid untuk menguasai bahasa tersebut (Mahdun et al. 2023).

Penentuan golongan kata, iaitu Kata Nama, Kata Kerja, dan Kata Adjektif yang bertindak sebagai golongan kata utama yang menjadi elemen penting dalam pembinaan ayat (N. Karim et al. 2015). Seterusnya pembentukan kata yang melibatkan penambahan imbuhan dan mengubah konteks kata tersebut kepada Kata Nama Terbitan (KNT), Kata Kerja Terbitan (KKT), dan Kata Adjektif Terbitan (KAT) perlu diberikan perhatian khusus semasa penentuan golongan kata. Hal ini kerana, ketiga-tiga golongan kata tersebut menjadi asas dalam pembelajaran hukum tatabahasa yang lebih kompleks. Misalnya, penggunaan kata pemerian “ialah” harus digunakan untuk memerikan kata atau frasa nama dan kata pemerian “adalah” digunakan untuk memerikan kata atau frasa adjektif dan sendi nama. Seterusnya, kata kerja transitif hadir bersama dengan objek yang bertindak sebagai KN. Di samping itu, kata nafi “bukan” harus digunakan untuk menafikan kata atau frasa nama dan kata atau frasa sendi nama, manakala kata nafi “tidak” digunakan untuk menafikan kata atau frasa kerja dan kata atau frasa adjektif. Jika murid tidak dapat mengenal pasti golongan kata perkataan, maka peluang untuk melakukan kesalahan penggunaan kata pemerian, kata nafi, pengenalpastian objek dalam kata kerja transitif amat besar. Hal ini juga akan menjejaskan kelancaran

penulisan ayat dan karangan. Oleh sebab itu, setiap murid yang melengkapkan persekolahan rendah harus menguasai kaedah atau konsep untuk menentukan golongan kata agar melancarkan proses pembelajaran hukum tatabahasa yang lain dan membolehkan murid menghasilkan penulisan yang berkualiti. Justeru analisis kesalahan bahasa dapat dijadikan sumber maklumat terhadap tingkat penguasaan bahasa dalam kalangan murid, khususnya dalam aspek penentuan golongan kata.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian mutakhir dalam bidang pemerolehan bahasa kedua turut memberikan penekanan yang semakin meningkat terhadap peranan kesedaran morfologi dalam menentukan perkembangan penguasaan tatabahasa dan kosa kata pelajar. Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa pengetahuan morfologi berfungsi sebagai peramal penting kepada perkembangan perbendaharaan kata serta kecekapan membaca dalam bahasa kedua kerana pelajar menggunakan struktur imbuhan sebagai petunjuk untuk memahami fungsi dan kategori kata (Hällström et al., 2025). Selain itu, kajian pemerolehan morfem dalam kalangan pelajar bahasa asing mendapati bahawa kesukaran utama pelajar bukan terletak pada memahami makna perkataan semata-mata, tetapi pada mengaitkan perubahan bentuk morfologi dengan fungsi tatabahasa yang berbeza, khususnya dalam proses pengimbuhan (Alsuhayl dan Alharbi, 2025).

Menurut Paris dan Yussof (2012), kesukaran untuk membezakan golongan

kata, seperti perbezaan antara Kata Adjektif (KA) dengan Kata Nama (KN) dan KN dengan Kata Kerja (KK) jelas menunjukkan bahawa kelemahan dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan (Tamil). Di samping itu, murid Cina turut melakukan kesalahan dari aspek pemilihan istilah dalam penulisan (Ismail & Zainon Hamzah, 2018). Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Bujang dan Khalid (2019) turut mencatatkan kesalahan aspek golongan kata yang tinggi akibat penggunaan dialek dalam pembelajaran dan pergaulan seharian sehingga menjejaskan penggunaan aspek bahasa yang betul.

Perkara ini telah dibuktikan semula oleh Sivaratnam (2019) melalui kajian yang menumpukan kepada murid SJK(T) dari aspek golongan kata dan mendapati hampir keseluruhan responden gagal menjawab ujian kemahiran tatabahasa yang menekankan aspek golongan kata yang terkandung dalam buku teks. Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Ahmad et al. (2020) telah membuktikan murid gagal menyampaikan makna ayat sebenar akibat penggunaan imbuhan yang salah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan imbuhan yang betul amat penting untuk mengenal pasti golongan kata yang ingin digunakan dalam penulisan.

Lebih-lebih lagi, kesalahan penggunaan golongan kata bukan sahaja dilakukan oleh pelajar sekolah, namun masalah ini turut dapat dikesan dalam kalangan penulis blog (Mohd A Rashid et al., 2015). Selain itu, para penutur asing juga menghadapi kecelaruan dari aspek kata semasa mempelajari bahasa

Melayu secara formal (Hassan et al., 2018). Masalah ini dapat dikesan dalam skrip penulisan pelajar asing yang sering terdedah kepada kesalahan tatabahasa yang melibatkan golongan kata yang mencatatkan kekerapan yang paling tinggi (Melai & Abang Zainal Abidin, 2020). Menurut Alizuddin & Nik Mohd Arif (2021), kesalahan golongan kata masih dikesan dalam penulisan pelajar antarabangsa akibat kekurangan kosa kata dan pengaruh bahasa ibunda. Tambahan pula, penguasaan KN dalam kalangan kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun turut berada pada peringkat rendah akibat proses kedwibahasaan dan kecelaruan bahasa (Nahar & Rosly, 2024). Masalah ini berleluasa sehingga ke menara gading apabila masih dapat menemukan kesalahan penggunaan kata dalam kalangan pelajar (Jali, 2021).

Penyelidikan terkini juga menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa kedua melibatkan interaksi antara pengaruh bahasa ibunda, input linguistik dan strategi pemprosesan kognitif pelajar yang menyebabkan berlakunya generalisasi bentuk bahasa secara berlebihan serta kesalahan morfologi yang berulang (Zhu et al., 2024). Dapatan ini selari dengan kajian terkini yang menunjukkan bahawa faktor afektif seperti keresahan memberikan kesan terhadap pembelajaran bahasa kedua, khususnya dalam kalangan murid penutur bukan jati (Shanmugan et al., 2025). Dalam konteks pembelajaran moden, kajian eksperimen turut membuktikan bahawa peningkatan kesedaran morfologi melalui intervensi pedagogi atau teknologi mampu meningkatkan keupayaan pelajar

mengenal pasti struktur kata dan memahami hubungan antara imbuhan dengan fungsi bahasa (Damanik et al., 2025). Perkara ini telah terbukti melalui pendekatan pedagogi inovatif seperti gamifikasi yang didapati berupaya mengurangkan keresahan murid dalam pembelajaran dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif (Subramaniam et al., 2026).

Secara keseluruhannya, kesalahan berkaitan penggolongan kata dan imbuhan bukan sekadar isu penguasaan tatabahasa asas, tetapi berkait rapat dengan perkembangan kesedaran morfologi dalam pemerolehan bahasa kedua. Setelah meneliti hasil kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa tahap penguasaan golongan kata dalam kalangan murid penutur bukan jati amat membimbangkan, terutamanya KN, KK, dan KA yang berfungsi sebagai unsur inti dalam pembinaan sesuatu frasa. Kekurangan pengetahuan tentang golongan kata yang betul dapat memudaratkan usaha kerajaan dalam memperkasakan bahasa kebangsaan. Perkara ini secara langsung boleh menggagalkan salah satu objektif utama kurikulum Bahasa Melayu, iaitu memahami dan menggunakan KN, KK, dan KA mengikut konteks. Menurut Jamaludin (2008), sesuatu perkataan boleh ditentukan golongan berdasarkan semantik (maksud perkataan), morfologi (bentuk perkataan yang melibatkan imbuhan), dan sintaksis (kedudukan perkataan dalam ayat). Namun, kajian lepas lebih memfokuskan kepada penguasaan golongan kata yang umum. Oleh itu, analisis kesalahan dalam penentuan golongan kata seperti yang

dijalankan dalam kajian ini relevan untuk memperluas pemahaman tentang proses perkembangan linguistik murid dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua untuk mengisi jurang penyelidikan yang sedia ada. Selain itu, hasil dapatan ini bakal membantu tenaga pengajar untuk memahami masalah yang dihadapi oleh murid dan membangunkan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pemahaman dan keperluan murid seperti yang dipersetujui oleh Sieo et al. (2022).

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif yang menerangkan kesalahan bahasa terhadap sesuatu dokumen. Analisis yang dijalankan hanya menghuraikan pola kesalahan berdasarkan taburan frekuensi tanpa meneliti secara mendalam proses kognitif yang mendasari penghasilan kesalahan tersebut. Pengumpulan data telah dibuat berdasarkan kaedah pengujian menggunakan ujian bertulis golongan kata sebagai alat kajian. Selain itu, pengkaji mengaplikasikan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memilih 134 orang murid Tahun 6 yang dikategorikan sebagai murid cemerlang di SJK(T) Ladang Kampung Baru, SJK(T) Ladang Hopeful, SJK(T) Bestari Jaya, SJK(T) Ladang Riverside, SJK(T) Ladang Sungai Terap, dan SJK(T) Ladang Raja Musa untuk menguji kebolehan murid menentukan golongan kata sesuatu perkataan. Lebih-lebih lagi, pemilihan sampel bertujuan membantu pengkaji untuk memahami isu utama dalam kajian kerana responden terdiri

daripada murid cemerlang (Creswell, 2012). Pemilihan murid cemerlang dilakukan berdasarkan pencapaian gred A dalam keputusan peperiksaan akhir Tahun 5 Bahasa Melayu yang dikendalikan di sekolah. Hal ini kerana murid cemerlang merupakan murid yang telah berjaya menguasai kemahiran bahasa yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) (Narayanan & Subramaniam, 2021). Lebih-lebih lagi, Kim et al. (2010) bersetuju bahawa keputusan akademik terdahulu atau sebelum ialah salah satu faktor peramal terbaik ke atas pencapaian akademik seseorang pelajar.

Selain itu, ujian bertulis golongan kata telah dibangunkan berdasarkan perkataan yang telah diambil secara rawak daripada Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan dan disediakan berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang digunakan di sekolah serta disahkan oleh guru BM yang berpengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun. Hal ini kerana guru bertindak sebagai penilai untuk memperhatikan tahap pencapaian prestasi murid sama ada cemerlang, baik, sederhana, atau lemah melalui pemberian gred, pangkat, kedudukan, markah atau peratusan (Royo & Mahmood, 2011). Ujian bertulis golongan kata yang terdiri daripada enam bahagian memfokuskan keupayaan murid untuk menentukan golongan kata sesuatu perkataan. Setiap bahagian dalam ujian bertulis

golongan kata memperincikan kebolehan murid untuk menentukan golongan kata bagi sesuatu perkataan dari aspek pengenalanpastian dalam petikan, melalui gambar, dan pembentukan kata. Malahan, tahap penguasaan murid turut diuji dengan memasukkan perkataan berimbuhan dan tanpa imbuhan untuk menguji pengetahuan murid tentang perubahan golongan kata sesuatu perkataan dengan kehadiran imbuhan dan mengenal pasti jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa membentuk sesuatu kata.

Prestasi yang dicapai oleh murid dapat diukur berdasarkan skor atau gred ujian atau peperiksaan umum (Nora'zian dan Fadzillah, 2018). Justeru pengkaji memperincikan keputusan ujian bertulis dalam bentuk peratusan dan mengukur pencapaian prestasi murid berdasarkan julat pemarkahan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), iaitu cemerlang (gred 80-100), baik (gred 65-79), memuaskan (gred 50-64), mencapai tahap minimum (40-49) dan belum mencapai tahap minimum (0-39). Tahap penguasaan golongan kata murid boleh didapati melalui gred tersebut. Pengkaji telah menetapkan 1 markah bagi setiap soalan berdasarkan pandangan pakar dan sistem pengiraan markah yang digunakan di sekolah seperti yang ditunjukkan dalam Pengiraan 1.

$$\frac{\text{Jumlah markah yang diperolehi oleh murid}}{\text{Jumlah markah keseluruhan}} \times 100 = \text{Markah ujian} \quad [1]$$

Seterusnya, pengkaji menganalisis dan mengenal pasti jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid berdasarkan empat jenis kesalahan yang diketengahkan oleh Corder (1973) dalam pembelajaran bahasa, iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Lebih-lebih lagi, proses mengenal pasti kesalahan murid pada peringkat ini dapat membantu tenaga pengajar untuk mengetahui isu yang dihadapi oleh seseorang murid dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, untuk membolehkan penyelidik merancang jalan penyelesaian yang sesuai untuk mengurangkan kes seperti ini pada masa yang akan datang (Ellis, 2008). Hal ini turut dipersetujui oleh A. Karim (2007) yang menekankan bahawa teori ini secara langsung membantu penyelidik untuk menyenaraikan kesalahan yang dilakukan oleh murid, mengenal pasti aspek kesalahan murid, mengkategorikan jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid dan menganalisis kesalahan tersebut untuk mendapatkan gambaran sebenar terhadap masalah yang dihadapi oleh murid dalam penguasaan topik yang dikaji. Oleh sebab itu, pengkaji telah mengaplikasikan teori tersebut untuk menganalisis dan mengkategorikan jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh murid SJK(T) semasa menentukan golongan kata sesuatu perkataan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pencapaian murid dalam ujian bertulis golongan kata telah diukur berdasarkan

julat pemarkahan yang telah ditetapkan oleh KPM untuk mengetahui penguasaan murid. Dapatan data telah dipersembahkan dalam bentuk peratusan untuk mengenal pasti perkataan yang mempunyai kekerapan kesalahan yang tinggi dan menentukan jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa menentukan golongan kata bagi sesuatu perkataan.

Jadual 1 memaparkan keputusan ujian bertulis golongan kata dengan perincian bagi setiap bahagian dalam ujian bertulis golongan kata untuk meneliti kesalahan murid dari aspek pemilihan, pengklasifikasian, pengenalpastian dan pembentukan. Secara keseluruhan, seramai 67 orang murid, iaitu 50% daripada 134 orang murid telah mendapat markah yang belum mencapai tahap minimum. Hanya 15 orang murid memperoleh keputusan yang cemerlang. Dapatan ini jelas menunjukkan murid yang dikategorikan sebagai cemerlang dan memiliki kemahiran penguasaan bahasa yang tinggi belum sepenuhnya menguasai aspek penentuan golongan kata utama dalam bahasa Melayu. Hal ini turut dipersetujui oleh Norsimah Mat Awal et al. (2012) yang mendapati bahawa pelajar cemerlang gagal untuk menggunakan ungkapan menarik dalam penulisan bahasa. Di samping itu, kaedah penghafalan juga mempengaruhi keputusan peperiksaan apabila murid berkebolehan untuk menghafal karangan yang menarik dan menulis semula dalam peperiksaan, tetapi menghalang kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (Chung et al., 2017). Oleh sebab itu, murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam

Jadual 1

*Penguasaan golongan kata mengikut setiap bahagian dalam ujian bertulis golongan kata*

Pencapaian	Keseluruhan	Bahagian					
		A	B	C	D	E	F
Cemerlang	16	38	60	51	31	14	32
Baik	16	19	16	26	15	5	15
Memuaskan	20	16	16	29	5	8	10
Mencapai Tahap Minimum	16	13	0	2	7	12	12
Belum Mencapai Tahap Minimum	67	48	42	26	76	95	65
Jumlah Murid	134	134	134	134	134	134	134

peperiksaan tidak semestinya menguasai semua aspek kemahiran bahasa.

Selain itu, penguasaan golongan kata oleh murid SJK(T) amat lemah dalam beberapa bahagian terutama Bahagian D, E, dan F yang menekankan kemahiran pembentukan kata menggunakan imbuhan dan pengenalpastian KA dalam gambar serta petikan. Kemahiran pembentukan Kata Nama Terbitan (KNT) dan Kata Kerja Terbitan (KKT) dalam Bahagian E mencatatkan peratusan belum mencapai tahap minimum yang paling tinggi, iaitu 95 orang murid (71%). Penggunaan jenis imbuhan yang betul untuk membentuk KNT dan KKT dalam bahasa Melayu ialah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Namun, hasil dapatan daripada kajian membuktikan bahawa murid masih lagi tidak memahami perbezaan imbuhan dalam pembentukan KNT dan KKT. Perkara ini turut dipersetujui oleh Muhammad dan Sha'ari (2020) yang menyatakan bahawa murid penutur bukan jati kerap melakukan kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan. Oleh sebab itu, setiap murid seharusnya mengenali pembentukan kata

agar dapat mentransformasikan idea yang sebenar dalam penulisan seperti yang dinyatakan oleh Ahmad et al. (2020). Di samping itu, aspek pengenalpastian KN, KK, dan KA bagi setiap perkataan dalam Bahagian A turut menunjukkan bahawa pencapaian belum mencapai tahap minimum lebih tinggi, iaitu 48 orang murid (36%) berbanding dengan pencapaian cemerlang, iaitu 38 orang murid (28%) sahaja. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa murid cemerlang belum lagi menguasai kemahiran menentukan golongan kata sepenuhnya.

Tambahan pula, keputusan Bahagian D menunjukkan 57% orang murid berada dalam kategori yang belum mencapai tahap minimum kerana gagal mengenal pasti KA berdasarkan petikan, manakala 49% orang murid masih memperoleh gred yang belum mencapai tahap minimum dalam pengenalpastian KA berdasarkan gambar. Hal ini menunjukkan bahawa murid penutur bukan jati menghadapi cabaran dalam penguasaan kosa kata yang berkaitan dengan KA. Seseorang murid yang telah menjejak kaki ke Tahun 6 seharusnya

lengkap dengan perbendaharaan KA. Namun demikian, hasil keputusan ujian bertulis golongan kata (Jadual 1) membuktikan bahawa penguasaan KA berada pada tahap kritikal. Perkara ini memberikan kesan dalam kemahiran berbahasa (Magesvaran et al., 2021). Murid mungkin kaya dengan KA dalam bahasa ibunda, namun gagal untuk mengenal pasti atau menyampaikan perkataan tersebut dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, penting bagi setiap murid untuk memahami makna perkataan dengan baik agar dapat menggunakan golongan kata yang tepat dalam penulisan.

Walau bagaimanapun, keupayaan murid untuk mengenal pasti Kata Kerja (KK) terbukti dalam Bahagian C kerana bilangan murid yang berada dalam lingkungan belum mencapai tahap minimum amat rendah, iaitu 26 orang murid sahaja berbanding dengan bahagian lain. Dapatan ini menggambarkan bahawa murid penutur bukan jati mempunyai kebolehan untuk menentukan KK, tetapi menghadapi kesulitan semasa membentuk KKT, seperti yang dapat dilihat dalam keputusan Bahagian E. Selain itu, hasil dapatan turut menunjukkan bahawa murid mahir memilih KN dalam Bahagian B, berbanding dengan KK dan KA. Jumlah murid yang mencapai keputusan cemerlang adalah tertinggi, iaitu 60 orang murid. Namun, keputusan 42 orang murid yang masih belum mencapai tahap minimum menunjukkan murid mempunyai kekeliruan semasa penentuan KN. Secara keseluruhan, keputusan ini menggambarkan kepelbagaian dalam tahap pencapaian murid. Walaupun beberapa orang murid berjaya mencapai

tahap cemerlang, namun bilangan murid yang berada dalam lingkungan belum mencapai tahap minimum masih tinggi. Perkara ini menandakan terdapat keperluan untuk pembelajaran dan bimbingan yang lebih berfokus dalam aspek penggunaan dan penentuan golongan kata.

Seterusnya, pengkaji telah merincikan hasil jawapan murid bagi setiap bahagian untuk mengenal pasti jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh murid dalam proses penentuan golongan kata. Pertama, perincian dapatan Bahagian A telah ditunjukkan dalam Jadual 2 untuk meneliti perkataan mempunyai kekerapan kesalahan yang tinggi dan menganalisis jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa penentuan KN, KK, dan KA.

Berdasarkan Jadual 2, kesalahan murid yang amat signifikan ialah semasa penentuan KN yang hadir dengan imbuhan atau dikenali sebagai KNT. Antaranya, penentuan kata “pemeriksaan” (92%), “perkhidmatan” (86%), “kesihatan” (82%), “peperiksaan” (75%), “pekerja” (69%), dan “pasangan” (67%) namun, murid boleh menentukan KN yang hadir tanpa imbuhan dengan memperoleh peratusan betul yang tinggi seperti “Masjid Negara” (91%) dan “tong sampah” (99%). Hal ini terbukti bahawa murid yang terdiri daripada penutur bukan jati boleh menentukan KN yang hadir tanpa imbuhan, tetapi menghadapi kesukaran semasa penentuan KNT. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa murid cenderung melakukan kesalahan pemilihan unsur yang tidak tepat semasa menentukan KN akibat kekurangan pengetahuan tentang

Jadual 2

Keputusan penentuan KN, KK, dan KA berdasarkan perkataan yang diberikan dalam Bahagian A

Perkataan	BETUL		SALAH	
	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus
Pemeriksaan	11	8%	123	92%
Perkhidmatan	19	14%	115	86%
Senyap	23	17%	111	83%
Kesihatan	24	18%	110	82%
Peperiksaan	34	25%	100	75%
Gopoh	39	29%	95	71%
Pekerja	42	31%	92	69%
Pasangan	44	33%	90	67%
Lucu	45	34%	89	66%
Usang	48	36%	86	64%
Tersembunyi	76	57%	58	43%
Bijak	94	70%	40	30%
Melanggan	114	85%	20	15%
Berusaha	115	86%	19	14%
Bayar	118	88%	16	12%
Masjid negara	122	91%	12	9%
Memegang	123	92%	11	8%
Baik	123	92%	11	8%
Memikat	128	96%	6	4%
Tong sampah	132	99%	2	1%

penggunaan imbuhan KN. Perkara ini telah menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Nagaraju et al. (2020) berkaitan dengan penguasaan KNT dalam kalangan murid SJK(T). Murid India sememangnya menghadapi masalah dalam penguasaan KNT kerana kekurangan pendedahan tentang kewujudan imbuhan KN. Murid hanya mengenali KN sebagai Kata Nama Am dan Kata Nama Khas yang terdiri daripada 5 kategori, iaitu orang, benda, binatang, tempat, dan tumbuhan-

tumbuhan. Penggunaan KN merupakan asas dalam pembelajaran bahasa Melayu dan memainkan peranan yang penting dalam pembinaan ayat kerana menjadi subjek utama. Jika seseorang murid tidak dapat mengenali KNT, maka peluang untuk menghasilkan ayat yang gramatis adalah amat rendah.

Seterusnya, kesalahan pemilihan KA turut dapat dikesan bagi perkataan seperti “senyap” (83%), “gopoh” (71%), “lucu” (66%), dan “usang” (64%) yang

menunjukkan peratusan kesalahan yang tinggi dalam kalangan murid. Namun demikian, murid berjaya memilih “bijak” (70%) dan baik (92%) sebagai KA. Hal ini menunjukkan bahawa murid dapat menentukan golongan kata berdasarkan pengetahuan dari aspek maksud perkataan. Kegagalan memahami maksud perkataan menyebabkan murid melakukan kesalahan jenis pemilihan unsur yang tidak tepat semasa penentuan golongan kata. Perkara ini disebabkan oleh kebergantungan murid terhadap maksud perkataan dan kelemahan aspek penguasaan perbendaharaan kosa kata yang merangkumi KA menyebabkan murid gagal untuk mengenal pasti KA dalam senarai perkataan yang diberikan. Selain itu, menurut Sivaratanam (2019), penguasaan perbendaharaan KA sememangnya kurang dalam kalangan murid SJK(T). Kebanyakan murid mengenali perkataan yang ingin disampaikan dalam bahasa ibunda, namun menghadapi masalah untuk menulis dalam bahasa Melayu dan menyebabkan kesalahan. Lebih-lebih lagi, penguasaan KA membantu murid untuk menyampaikan idea secara berkesan dalam penulisan dan menjadikan mereka fasih berbahasa (Tong et al., 2022).

Walau bagaimanapun, kebolehan murid dalam menentukan KK terserlah melalui keputusan keseluruhan (Jadual 1), iaitu murid boleh mengenal pasti KK dengan lebih mudah. Oleh sebab itu, peratusan kesalahan KK dalam bahagian ini memang rendah. Murid penutur bukan jati yang mempelajari bahasa Melayu sememangnya berkebolehan untuk mengenal pasti KK dengan mudah. Dapatan ini secara langsung

menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Isa et al. (2021) yang menunjukkan bahawa pelajar di sekolah sememangnya mempunyai penguasaan KK yang tinggi, namun melakukan kesalahan dari aspek pemilihan nahu semasa pembinaan ayat. Di samping itu, pengenalan aspek KK terutama perkataan yang melibatkan imbuhan memang sudah ditekankan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 1. Namun, pendedahan yang tidak mencukupi terhadap pembentukan kata tersebut yang menyebabkan kesalahan dalam pembentukan KKT. Oleh sebab itu, penggunaan kaedah pembelajaran yang interaktif, seperti permainan atau aktiviti berbentuk latihan harus digalakkan untuk membantu murid memahami pembentukan KKT dengan lebih baik. Aktiviti seperti ini dapat membuatkan pembelajaran lebih menarik dan memudahkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari.

Seterusnya, pengkaji telah meneliti kesalahan yang kerap dilakukan oleh murid dalam Bahagian A dan memperincikan corak penentuan golongan kata bagi perkataan tersebut. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang cara murid menentukan golongan kata sesuatu perkataan. Jadual 3 menunjukkan kekerapan kesalahan murid bagi perkataan yang mencatatkan peratusan kesalahan yang tinggi dalam Bahagian A.

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa murid sering melakukan kesalahan penentuan golongan kata semasa memilih KNT dan KA. Lebih-lebih lagi, corak pemilihan KNT sebagai KK amat menonjol dalam kalangan

Jadual 3

*Kekerapan peratusan kesalahan perkataan yang paling tinggi dicatatkan dalam Bahagian A*

Perkataan	Kata Nama		Kata Kerja		Kata Adjektif	
	Bil. Murid	%	Bil. Murid	%	Bil. Murid	%
perkhidmatan	5	4%	108	94%	2	2%
pekerja	1	1%	90	98%	1	1%
peperiksaan	11	11%	83	83%	6	6%
pemeriksaan	11	9%	106	86%	6	5%
pasangan	13	14%	75	84%	2	2%
kesihatan	11	10%	93	85%	6	5%
usang	45	52%	41	48%	0	0%
gopoh	52	55%	38	40%	5	5%
lucu	51	57%	23	26%	15	17%
senyap	6	5%	98	89%	7	6%

murid SJK(T) kerana hasil jawapan yang diterima menjurus kepada satu golongan kata sahaja. Misalnya, seramai 108 orang murid (94%) melakukan kesalahan tersebut semasa pemilihan golongan kata bagi “perkhidmatan”, 90 orang murid (98%) memilih “pekerja”, 83 orang murid (83%) memilih “peperiksaan”, 106 orang murid (86%) memilih “pemeriksaan”, 75 orang murid (84%) memilih “pasangan”, dan 93 orang murid (85%) memilih “kesihatan” sebagai KK. Hal ini jelas menunjukkan bahawa murid mengabaikan kewujudan imbuhan KN dan menganggap semua perkataan berimbuhan sebagai KK akibat kekurangan kesedaran terhadap kewujudan imbuhan KN. Selain itu, kesalahan pemilihan KA bagi sesetengah perkataan turut dapat dikenal pasti seperti “usang”, “gopoh”, dan “lucu” yang menunjukkan corak pemilihan golongan kata yang seimbang antara KN, KK, dan KA. Perkara

ini menunjukkan bahawa kekurangan perbendaharaan kata yang melibatkan KA menyebabkan murid mengabaikan maksud perkataan tersebut dan memilih golongan kata secara rawak. Oleh sebab itu, hasil jawapan murid menunjukkan kepelbagaian pemilihan golongan kata. Tambahan pula, 98 orang murid daripada keseluruhan, iaitu meliputi 89% menentukan “senyap” sebagai KK. Hal ini disebabkan oleh kekeliruan pemahaman terhadap KA “senyap” sebagai suatu perbuatan.

Setelah meneliti hasil jawapan murid, penyelidik mendapati kewujudan unsur kesalahan baharu daripada empat jenis kesalahan yang digariskan oleh Corder (1973), iaitu pengabaian unsur yang perlu. Berdasarkan pengertian dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2019), pengabaian merupakan tindakan yang tidak mengendahkan atau memberikan

perhatian kepada sesuatu. Hasil jawaban murid jelas membuktikan bahawa murid sering mengabaikan kewujudan imbuhan KN semasa menentukan golongan kata sesuatu perkataan. Hal ini menunjukkan bahawa pengabaian sesuatu unsur yang perlu juga merupakan salah satu kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid semasa pembelajaran bahasa. Maklumat ini amat penting kepada tenaga pengajar dan penyelidik sebagai info tambahan agar dapat mencari jalan penyelesaian yang sesuai supaya kesalahan seperti ini tidak berulang pada masa hadapan.

Seterusnya, perincian telah dilakukan berdasarkan pemilihan KN dalam Bahagian B (Jadual 4) untuk mengetahui dan merincikan kesalahan yang telah dilakukan oleh murid semasa mengenal pasti KN dalam sesuatu petikan. Walaupun bilangan murid yang memperoleh gred cemerlang adalah tertinggi dalam bahagian ini,

namun bilangan murid yang berada dalam lingkungan belum mencapai tahap minimum juga masih tinggi, iaitu 42 orang murid. Oleh sebab itu, perincian kesalahan dalam bahagian ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti kesalahan perkataan dan jenis kesalahan yang kerap dilakukan.

Berdasarkan hasil dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 4, pengkaji mendapati bahawa murid berkebolehan memilih KN yang hadir tanpa imbuhan, tetapi gagal untuk memilih KNT. Peratusan kesalahan murid yang memilih KN tanpa imbuhan adalah jauh lebih rendah berbanding dengan KNT. Ramai murid berjaya mengenal pasti “sekolah” (86%), [“guru”, “mereka”, “kantin”, “murid” (99%)] dan “pagi” (100%), manakala peratusan pengenalanpastian KNT amat rendah, iaitu “pengajaran” (15%), “hubungan” (23%), “senyuman” (23%), dan “kedatangan” (33%). Unsur pengabaian turut ditemukan

Jadual 4

*Pengenalpastian KN oleh murid dalam Bahagian B*

Kata nama (KN)	BETUL		SALAH	
	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus
Pengajaran	20	15%	114	85%
Hubungan	31	23%	103	77%
Senyuman	31	23%	103	77%
Kedatangan	44	33%	90	67%
Sekolah	115	86%	19	14%
Guru	132	99%	2	1%
Mereka	132	99%	2	1%
Kantin	133	99%	1	1%
Murid	133	99%	1	1%
Pagi	134	100%	0	0%

dalam bahagian ini apabila kesalahan penentuan golongan kata dalam KN yang hadir dengan imbuhan adalah tinggi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa murid menghadapi masalah dalam imbuhan KN dan kekurangan pengetahuan tentang KNT menyebabkan murid tidak dapat mengenal pasti perkataan tersebut. Penggunaan KNT dalam penyampaian maksud, tetapi kegagalan memberikan pendedahan kepada murid tentang fungsi dan cara pembentukan kata tersebut menyebabkan murid tidak sedar tentang kewujudan imbuhan tersebut.

Selain itu, perkara ini turut dibincangkan dalam kajian yang dilakukan oleh Nagaraju dan Subramaniam (2020) tentang pembelajaran KNT dalam kalangan murid SJK(T). Kekurangan penekanan konsep imbuhan KN dalam Buku Teks Bahasa Melayu yang menyebabkan murid kurang sedar tentang kewujudan aspek tersebut. Selain itu, Aminul Razin dan Subramaniam (2019) berpendapat bahawa ketidakwujudan konsep imbuhan dalam bahasa ibunda juga

menyebabkan murid lemah dalam aspek tersebut. Penguasaan KNT amat penting untuk murid kerana diuji secara holistik dalam penulisan dan membantu murid untuk menggolongkan kata, walaupun gagal untuk mengetahui maksud perkataan tersebut.

Seterusnya, pengkaji telah melakukan perincian terhadap aspek kebolehan murid penutur bukan jati untuk mengenal pasti KK berdasarkan petikan yang diberikan dalam Bahagian C (Jadual 5).

Peratusan kesalahan murid yang rendah dalam Bahagian C menunjukkan murid penutur bukan jati mampu mengenal pasti KK yang terdapat dalam petikan. Kebanyakan KK yang menerima imbuhan awalan “meN-” dan imbuhan apitan “meN..i” serta “meN...kan” memperoleh peratusan yang tinggi, iaitu lebih daripada 90%. Hal ini kerana pembelajaran imbuhan KK atau dikenali sebagai Kata Kerja Terbitan (KKT) dalam Buku Teks Bahasa Melayu SJK memang diberikan penekanan. Maka, penguasaan KK turut dapat dilihat melalui

Jadual 5  
*Pengenalpastian KK oleh murid dalam Bahagian C*

Kata Kerja (KK)	BETUL		SALAH	
	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus
Mengadakan	131	98%	3	2%
Meletak	132	99%	2	1%
Membenarkan	133	99%	1	1%
Dijadikan	83	62%	51	38%
Mendapat	129	96%	5	4%
Mendirikan	126	94%	8	6%
Menghiaskan	125	93%	9	7%
Terletak	94	70%	40	30%

hasil jawaban murid. Namun, perkataan “dijadikan” menerima peratusan kesalahan yang paling tinggi dalam bahagian ini, iaitu 38% daripada 134 orang murid. Perkara ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail dan Zainon Hamzah (2018) tentang analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa murid sememangnya amat lemah dalam penggunaan imbuhan awalan dan apitan KK, iaitu “di-”. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini membuktikan bahawa murid yang melalui pembelajaran bahasa kedua mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti KK dengan lebih mudah berbanding dengan golongan kata yang lain.

Kemudian, penelitian telah dilakukan terhadap keupayaan murid untuk mengenal pasti KA melalui petikan yang diberikan dalam Bahagian D (Jadual 6).

Hasil keputusan menunjukkan bahawa murid menghadapi masalah dalam mengenal pasti KA. Dapatan jawaban murid dalam bahagian A dan D agak sama, iaitu murid tidak dapat menentukan KA dan gagal untuk menyenaraikan KA yang terdapat dalam petikan. Kegagalan dalam memilih perkataan seperti “tenang” (85%), “lembik” (81%), “kagum” (71%) dan “damai” (69%) sebagai KA amat tinggi. Kesalahan jenis pemilihan unsur yang tidak tepat berlaku akibat kekurangan perbendaharaan kata. Dalam hal ini, kesalahan pengabaian unsur turut dijumpai semasa memilih KA daripada teks petikan yang diberikan kerana murid mengabaikan sesetengah KA yang wujud dalam teks tersebut akibat

kekeliruan maksud perkataan tersebut dan kekurangan perbendaharaan kosa kata yang melibatkan KA.

Manakala, jurang kesalahan dalam KA yang terdiri daripada “tajam” (14%), “halus” (13%), “putih” (11%), “keras” (7%), “gembira” (7%), “nipis” (4%), dan “manis” (1%) amat rendah. Perkara ini berlaku kerana senarai KA tersebut telah diperkenalkan sejak Tahun 1 dan merupakan asas dalam pembelajaran KA. Oleh sebab itu, murid dapat mengenal pasti golongan kata bagi perkataan tersebut dengan mudahnya, berbanding dengan KA yang lain. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa murid mempunyai penguasaan kosa kata yang melibatkan KA amat rendah. Hasil kajian ini selari dengan penemuan Abdul Hamid (2025) yang melaporkan bahawa murid kerap memilih golongan kata seperti KN atau KK semasa menentukan golongan kata bagi perkataan yang sebenarnya terdiri daripada KA. Kesalahan sebegini secara langsung memberikan kesan terhadap penulisan murid, khususnya melalui penggunaan kosa kata terhad yang boleh menjejaskan kualiti penulisan. Penyataan ini dikuatkan melalui hasil kajian Chelliah dan Hj Othman (2022) yang mengesahkan bahawa kelemahan dalam penguasaan kosa kata menyumbang kegagalan dalam penghasilan penulisan yang baik. Selain itu, penggunaan bahasa ibunda yang meluas menyebabkan komunikasi dalam bahasa Melayu juga terhad yang menjurus kepada kelemahan dari aspek penguasaan kosa kata.

Di samping itu, Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang

Jadual 6

*Pengenalpastian KA oleh murid dalam Bahagian D*

Kata Adjektif (KA)	BETUL		SALAH	
	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus
Tenang	20	15%	114	85%
Lembik	25	19%	109	81%
Kagum	39	29%	95	71%
Damai	41	31%	93	69%
Seronok	76	57%	58	43%
Sunyi	87	65%	47	35%
Kecil	99	74%	35	26%
Tajam	115	86%	19	14%
Halus	116	87%	18	13%
Putih	119	89%	15	11%
Keras	124	93%	10	7%
Gembira	125	93%	9	7%
Nipis	128	96%	6	4%
Manis	132	99%	2	1%

dijadikan sebagai panduan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menggariskan kepentingan aspek tatabahasa terutamanya aspek pembentukan kata. Selain itu, seseorang murid harus memahami dan menguasai golongan kata mengikut konteks secara lisan mahupun tulisan sebelum melangkah kaki ke alam persekolahan menengah. Justeru, Bahagian E telah dibangunkan untuk menguji keupayaan murid membentuk KNT dan KKT berdasarkan kata dasar yang diberikan. Pencapaian murid telah diteliti dalam Jadual 7.

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 7, jurang kesalahan murid semasa pembentukan KNT dan KKT amat

menonjol. Peratusan kegagalan murid untuk membentuk KNT lebih tinggi, iaitu lebih daripada 50% berbanding dengan peratusan kesalahan murid semasa pembentukan KKT. Perkataan seperti “daki” (72%), “ukur” (69%), “ikat” (66%), “arah” (64%), “bakar” (60%) dan “curi” (53.0%) mencatatkan peratusan kesalahan yang tinggi semasa pembentukan KNT. Manakala, murid berjaya membentuk KKT bagi setiap kata dasar yang diberikan dengan pencapaian peratusan yang tinggi. Namun, murid melakukan kesalahan dari aspek pemilihan imbuhan dan ejaan seperti yang dipersetujui oleh Aminul Razin dan Subramaniam (2019). Justeru, isu tersebut harus dipandang serius dalam pembelajaran bahasa Melayu di alam persekolahan rendah agar dapat

Jadual 7

*Kesalahan murid semasa pembentukan KNT dan KKT*

Perkataan	BETUL				SALAH			
	Kata Nama Terbitan (KNT)		Kata Kerja Terbitan (KKT)		Kata Nama Terbitan (KNT)		Kata Kerja Terbitan (KKT)	
	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus	Bil. Murid	Peratus
Daki	37	28%	119	89%	97	72%	15	11%
Ukur	42	31%	115	86%	92	69%	19	14%
Ikat	45	34%	97	72%	89	66%	37	28%
Arah	48	36%	93	69%	86	64%	41	31%
Bakar	53	40%	110	82%	81	60%	24	18%
Curi	63	47%	124	93%	71	53%	10	7%
Nyanyi	76	57%	113	84%	58	43%	21	16%
Buru	79	59%	118	88%	55	41%	16	12%
Nasihat	81	60%	102	76%	53	40%	32	24%
Culik	96	72%	122	91%	38	28%	12	9%

membuat penambahbaikan supaya murid lebih bersedia untuk mempelajari hukum tatabahasa yang lebih mencabar minda. Oleh sebab itu, pengkaji telah membuat perincian terhadap jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa pembentukan KNT dan KKT untuk mengenal pasti aspek kelemahan murid berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1973) (Jadual 8).

Hasil jawapan murid jelas menunjukkan bahawa keempat-empat jenis kesalahan bahasa yang digariskan oleh Corder (1973) dapat ditemukan semasa pembentukan KNT. Murid sering memilih imbuhan yang salah dan menggunakan imbuhan KK semasa membentuk KNT (Jadual 8). Penambahan unsur yang tidak tepat amat jelas semasa penggantian huruf “s”, “f”, “p”, “t”, dan “k” selepas menerima imbuhan. Seterusnya, murid sering menggugurkan huruf yang perlu selepas menerima imbuhan dan

melakukan kesalahan penyusunan imbuhan awalan KN dengan imbuhan akhiran KK untuk membentuk KNT. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa penguasaan murid terhadap pembentukan KNT amat lemah dan memberikan impak negatif dari aspek kualiti penulisan. Perkara ini menguatkan pencapaian murid dalam Bahagian B apabila kebanyakan murid gagal mengenal pasti KNT dalam petikan. Ketandusan ilmu tentang kewujudan imbuhan KN dan tanggapan semua imbuhan akan membentuk KK merupakan penyumbang utama kepada masalah tersebut.

Selepas itu, pengkaji meneliti jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa pembentukan KKT (Jadual 9).

Empat jenis kesalahan yang sama turut ditemukan semasa pembentukan KKT. Kesalahan pemilihan imbuhan yang salah dapat dikesan dan kekeliruan dalam

Jadual 8

Senarai kesalahan murid semasa pembentukan KNT berdasarkan teori analisis kesalahan bahasa Corder (1973)

Kesalahan Pembentukan Kata Nama Terbitan		
<b>Jenis kesalahan 1: Pemilihan unsur yang tidak tepat</b>		
Kesalahan	Perincian Kesalahan	Pembetulan
<b>pe</b> bantu	Pemilihan imbuhan yang salah	<b>pe</b> bantu
<b>pe</b> edar		<b>pe</b> ngedar
<b>per</b> lawat		<b>pe</b> lawat
<b>per</b> edar		<b>pe</b> ngedar
<b>membantu</b>	Pemilihan imbuhan KK untuk membentuk KN	<b>pe</b> bantu
edarkan		edaran
<b>mence</b> cat		<b>pe</b> ngecat
<b>membantu</b>		<b>pe</b> bantu
<b>Jenis kesalahan 2: Penambahan unsur yang tidak tepat</b>		
pekarang	Penambahan huruf yang perlu digugurkan selepas menerima imbuhan	pengarang
pesapu		penyapu
pepadam		pemadam
petunggang		penunggang
<b>Jenis kesalahan 3: Pengguguran unsur yang perlu</b>		
<b>pen</b> arang	Pengguguran huruf semasa menggantikan huruf selepas menerima imbuhan	<b>pe</b> ngarang
penunggang		penunggang
<b>pen</b> edar		<b>pe</b> ngedar
<b>pe</b> mantu		<b>pe</b> mantu
<b>Jenis kesalahan 4: Penyusunan unsur yang salah</b>		
<b>pesapuk</b> kan	Penyusunan imbuhan awalan KN dengan imbuhan akhiran KK	<b>penyapu</b> an
penternak <b>kan</b>		penternak <b>an</b>

penggunaan imbuhan awalan meN- amat jelas. Kekurangan pengetahuan terhadap kewujudan alomorf imbuhan yang memperincikan penggunaan setiap imbuhan menyebabkan murid melakukan kesalahan semasa pembentukan kata. Hal ini yang menyebabkan murid menggunakan imbuhan

yang salah, menambah dan menggugurkan huruf selepas penerimaan imbuhan. Selepas itu, penyusunan imbuhan awalan KK dengan imbuhan akhiran KN turut dapat ditemukan apabila murid menghasilkan apitan baharu, iaitu imbuhan awalan KK “meN-” berpasangan dengan imbuhan

Jadual 9

Senarai kesalahan murid semasa pembentukan KKT

Kesalahan Pembentukan Kata Kerja Terbitan		
<b>Jenis kesalahan 1: Pemilihan unsur yang tidak tepat</b>		
Kesalahan	Perincian Kesalahan	Pembetulan
<b>mecat</b>	Pemilihan imbuhan yang salah	<b>mengecat</b>
<b>meedar</b>		<b>mengedar</b>
<b>menlukis</b>		<b>melukis</b>
<b>Jenis kesalahan 2: Penambahan unsur yang tidak tepat</b>		
mekunjung	Penambahan huruf yang perlu digugurkan selepas menerima imbuhan	mengunjung
mesapu		menyapu
metanam		menanam
mekarang		mengarang
mentunggang		menunggang
<b>Jenis kesalahan 3: Pengguguran unsur yang perlu</b>		
<b>mernak</b>	Pengguguran huruf semasa menggantikan huruf selepas menerima imbuhan	<b>menternak</b>
<b>memantu</b>		<b>membantu</b>
<b>Jenis kesalahan 4: Penyusunan unsur yang salah</b>		
<b>memasakan</b>	Penyusunan imbuhan awalan KK dengan imbuhan akhiran KN	<b>memasakan</b>
<b>melukisan</b>		<b>melukiskan</b>

akhirkan KN “-an”. Ketandusan ilmu tentang penggunaan imbuhan yang betul dalam pembentukan KNT dan KKT menyebabkan murid melakukan kesalahan ejaan dalam penulisan. Perkara ini juga menyebabkan murid gagal dalam menentukan golongan kata sesuatu perkataan, menjejaskan penguasaan hukum tatabahasa yang asas, dan banyak melakukan kesalahan tatabahasa yang tinggi dalam penulisan, walaupun murid mempunyai idea.

Tambahan pula, kajian tentang kecelaruan morfologi dalam penulisan

bahasa Melayu oleh penutur asing membuktikan bahawa pengimbuhan merupakan salah satu aspek yang membantu murid dalam pengenalanpastian golongan kata, tetapi menimbulkan kesulitan apabila setiap imbuhan tersebut membawa makna nahu yang berbeza (Hassan et al., 2018). Selain itu, kajian yang melibatkan kesalahan ejaan dalam penulisan terutama murid penutur bukan jati memberikan dapatan yang sama, iaitu bilangan kesalahan ejaan dalam penulisan pelajar sangat banyak (Alizuddin & Nik Mohd Arif, 2021;

Magesvaran et al., 2021; Tengku Din dan Abd Wahab, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa kesalahan pembentukan perkataan berimbuhan masih mendapat perhatian yang serius dalam kalangan pengkaji, namun jalan penyelesaian masih tinggal sebagai tanda soal. Perkara ini boleh dielakkan jika murid diberi pendedahan lebih awal tentang cara pembentukan sesuatu kata yang melibatkan imbuhan.

Justeru, murid jelas melakukan kesalahan pemilihan unsur yang tidak tepat apabila memilih KN yang hadir dengan imbuhan sebagai KK dan melakukan kesalahan baharu, iaitu pengabaian unsur yang perlu semasa menentukan golongan kata. Unsur pengabaian ini jelas menggambarkan situasi kekurangan perhatian yang diberikan terhadap maksud perkataan dan jenis imbuhan yang membentuk kata menyebabkan murid sering melakukan kesalahan semasa menentukan golongan kata sesuatu perkataan. Selain itu, murid sering melakukan kesalahan yang terdiri daripada menggugurkan unsur yang perlu, menambahkan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, memilih unsur yang tidak tepat, dan menyusun unsur yang salah semasa pembentukan KNT serta KKT. Hasil kesalahan murid yang ditemukan menerusi pembentukan kata menjelaskan kelemahan murid Tahun 6 yang dikategorikan sebagai cemerlang dalam aspek pemilihan imbuhan yang betul berdasarkan golongan kata.

Dari sudut teoretis, dapatan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap proses penentuan golongan kata dalam pembelajaran bahasa kedua. Penemuan

kesalahan baharu, iaitu pengabaian unsur yang perlu menunjukkan bahawa penentuan golongan kata tidak berlaku secara linear melalui penguasaan makna semantik semata-mata, tetapi melibatkan interaksi kompleks antara kesedaran morfologi, fungsi sintaksis dan proses pembentukan kata. Murid didapati lebih bergantung pada petunjuk makna leksikal berbanding ciri morfologi imbuhan semasa menentukan golongan kata. Oleh itu, dapatan ini memperluas kerangka Teori Analisis Kesalahan Bahasa (Corder, 1973) dengan menunjukkan bahawa proses pemerolehan bahasa kedua terjejas bukan sahaja berpunca daripada kesalahan dari aspek aplikasi peraturan bahasa, tetapi kegagalan memberikan perhatian terhadap petunjuk linguistik yang relevan dalam proses penentuan kata juga turut memberikan sumbangan dalam masalah ini.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan yang didokumentasikan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, DSKP (2021) telah menetapkan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam penguasaan bahasa di sekolah rendah dan dijadikan sebagai panduan oleh warga pendidik untuk mengendalikan pembelajaran dan pemudaharaan (PdPc) di sekolah. Terdapat 5 kemahiran asas yang telah ditekankan dalam dokumen tersebut, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis,

aspek seni bahasa, dan aspek tatabahasa. Dalam pada itu, penguasaan golongan kata dan pembentukan kata turut menjadi satu kemahiran yang telah diberikan perhatian yang khusus dalam aspek tatabahasa. Lebih-lebih lagi, guru sentiasa menjadikan DSKP sebagai panduan dalam perancangan dan pengendalian pengajaran dalam kelas. (Sulaiman, 2019).

Di samping itu, menurut Hajmi dan Jamaludin (2022), murid-murid perlu diberikan perincian terhadap standard kandungan yang terkandung dalam DSKP dan objektif pembelajaran yang hendak dicapai sebelum memulakan PdP agar murid mengetahui tanggungjawab mereka sepanjang perjalanan PdP. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa setiap standard kandungan dan standard pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam penguasaan bahasa seseorang murid terutamanya murid SJK(T). Lebih-lebih lagi, dapatan kajian ini jelas membuktikan kebergantungan murid terhadap maksud perkataan dan ketandusan ilmu tentang kewujudan jenis imbuhan yang membentuk KN, KK, dan KA. Oleh sebab itu, implikasi kajian ini membolehkan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk memperincikan standard pembelajaran

aspek tatabahasa dalam DSKP dengan memahami dan menggunakan pelbagai kata berimbuhan mengikut konteks dengan menambahkan imbuhan KN, imbuhan KK, dan imbuhan KA seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

Perincian standard pembelajaran dalam aspek tatabahasa membantu warga pendidik untuk mengendalikan PdP berkaitan jenis imbuhan yang terlibat dalam pembentukan KN, KK, dan KA agar dapat memudahkan murid untuk mengenal pasti golongan sesuatu perkataan berimbuhan dengan lebih mudah dan dapat menghasilkan penulisan tanpa kesalahan tatabahasa. Selain itu, perkara ini juga memudahkan proses mengenal pasti dan penggunaan kata kerja transitif, kata pemeris, dan kata nafi yang mempunyai hukum tertentu dengan kehadiran sesuatu golongan kata tertentu.

### KESIMPULAN

Murid sering melakukan kesalahan jenis pemilihan unsur yang tidak tepat semasa menentukan golongan kata sesuatu perkataan. Hal ini jelas bahawa menunjukkan murid SJK(T) yang dikategorikan cemerlang belum mahir dalam aspek penentuan golongan kata. Perkara ini telah mengubah

Jadual 10

*Standard kandungan dan standard pembelajaran aspek tatabahasa dalam DSKP*

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran</b>
5.2 Memahami dan menggunakan bentuk kata mengikut konteks	5.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata berimbuhan mengikut konteks: Imbuhan Kata Nama Imbuhan Kata Kerja Imbuhan Kata Adjektif

persepsi bahawa gred peperiksaan tidak dapat mengukur pencapaian kemahiran bahasa seseorang murid. Pembelajaran bahasa Melayu semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan awam serta untuk mendapat tempat di universiti tempatan sahaja akan menyebabkan penguasaan kemahiran bahasa sentiasa berada pada tahap rendah. Murid didapati mahir dalam penentuan KN, tetapi menghadapi kekeliruan semasa memilih KNT, manakala penguasaan kosa kata yang terhad menyebabkan murid tidak dapat memilih dan menentukan kebanyakan KA.

Lebih-lebih lagi, penemuan jenis kesalahan baharu yang dilakukan oleh murid penutur bukan jati semasa pembelajaran bahasa Melayu, iaitu pengabaian unsur yang perlu merupakan maklumat yang penting dalam analisis kesalahan bahasa. Penemuan ini bukan sahaja menambah kepada senarai kesalahan yang digariskan oleh Corder (1973), malah meluaskan skop penyelidikan bahasa. Selain itu, perubahan aliran pendidikan yang lebih berteraskan kepada teknologi dan corak pemikiran murid generasi kini yang suka kepada cabaran dan berkeinginan menjadi agen perubahan pada abad ke-21 melakukan kesalahan baharu dalam aspek pembelajaran bahasa kedua. Pengenalpastian kesalahan baharu ini membuka ruang kepada pendekatan pedagogi yang lebih inovatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Unsur pengabaian ini jelas menggambarkan situasi kekurangan perhatian terhadap maksud perkataan dan jenis imbuhan yang membentuk kata menyebabkan murid gagal menentukan golongan kata sesuatu

perkataan. Oleh sebab itu, pendedahan yang betul tentang langkah penentuan golongan kata yang betul pada peringkat sekolah rendah membolehkan mereka bersedia untuk mempelajari hukum tatabahasa yang lebih kompleks. Dari sudut praktikal, dapatan kajian menegaskan bahawa keperluan pendekatan pengajaran yang lebih eksplisit terhadap hubungan antara imbuhan dan penentuan golongan kata dalam kurikulum bahasa Melayu sekolah rendah. Penambahbaikan dalam pelaksanaan DSKP berpotensi membantu murid membina kefahaman sistematik tentang struktur bahasa. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan masa hadapan yang meneliti intervensi pedagogi berfokus dan perbandingan antara murid pelbagai tahap pencapaian bagi memperkukuh teori dan amalan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dilaksanakan melalui sokongan Geran Putra IPS (GP-IPS/2021/9703200), Universiti Putra Malaysia (UPM). Seterusnya, penyelidik hendak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada para SISC+ Bahasa, pegawai PPD, Ketua Panitia Bahasa Melayu SJK(T), dan guru-guru Bahasa Melayu SJK(T) yang terlibat atas pemberian ruang yang selesa untuk menjalankan penyelidikan tersebut.

## RUJUKAN

Abdul Hamid, M. H. (2025). Penggunaan aplikasi 'Cekap BM' bagi meningkatkan pemahaman

- kata adjektif pancaindera dalam kalangan murid tahun tiga. *International Journal of Islamic Theology & Civilization*, 3(2), 82-88. <https://doi.org/10.5281/zenodo.14997195>
- Ahmad, N. A., Farahkhanna, N., & Norfaizah. (2020). Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubungan dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77-90.
- Alizuddin, N. A., & Nik Mohd Arif, N. N. A. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa [Error analysis in international students' Malay language written compositions]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 113-127.
- Alsuhayl, E., & Alharbi, A. S. (2025). English grammatical morphemes acquisition by young EFL learners. *International Journal of Instruction*, 18(2), 557-576. <https://doi.org/10.29333/iji.2025.18230a>
- Aminul Razin, A. S., & Subramaniam, V. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Tamil berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2021). *Kurikulum standard sekolah rendah bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tahun 6*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bujang, J., & Khalid, F. (2019). Penguasaan morfologi bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Melayu Sarawak. In *Linguistik bahasa dan pendidikan* (pp. 172-184). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Chelliah, S., & Hj Othman, N. (2022). Tahap penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi mata pelajaran perniagaan murid bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), Article e001509. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>
- Chung, L. L., Leng, C. H., & Peng, C. P. (2017). Amalan pengajaran guru bahasa Melayu tingkatan empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 1-12.
- Corder, S. P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Penguin Books.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson.
- Damanik, L. A., Pratiwi, R., & Rosada, B. (2025). Enhancing morphological awareness and reading fluency in EFL learners through AI tools. *Premise: Journal of English Education and Applied Linguistics*, 14(2), 443-461. <https://doi.org/10.24127/pj.v14i2.12079>
- Ellis, N. C. (2008). The dynamics of second language emergence: Cycles of language use, language change, and language acquisition. *The Modern Language Journal*, 92(2), 232-249.
- Hajmi, H., & Jamaludin, K. (2022). Kesediaan guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 119-125.
- Hällström, E., Sahlén, B., von Koss Torkildsen, J., Hallenbrant, K., Tamakloe, A., Lyxell, B., & Wass, M. (2025). Morphological knowledge as a predictor of receptive vocabulary for Swedish L1 and L2 school-aged children. *Language Awareness*, 1-20. <https://doi.org/10.1080/09658416.2025.2565316>
- Hassan, H., Omar, M. S., & Abdul Wahid, P. R. (2018). Kecelaruhan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu oleh penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 20-36.

- Isa, A. K., Zainon Hamzah, Z. A., & Sha'ri, S. N. (2021). Tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar di tingkatan empat sekolah berasrama penuh. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 90-104. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.7.2021>
- Ismail, A., & Zainon Hamzah, Z. A. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.
- Jali, I. (2021). Analysing grammar errors in Malay language learning. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 7(1), 72-85. <https://doi.org/10.33736/jcshd.3050.2021>
- Jamaluddin, N. (2008). Kriteria penggolongan kata: Bahasa Yunani, Inggeris & Melayu. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 9, 139-162.
- Kamus Dewan. (2007). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, A. H. (2007). Analisis kontrasif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti. In *Prosiding seminar tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING)* (Vol. 2, pp. 212-225).
- Karim, N. S. (1986). *Bahasa dan sastera: Ke arah mempertingkatkan karya-karya kreatif bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa Dewan* (3rd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim, E., Newton, F. B., Downey, R. G., & Benton, S. L. (2010). Personal factors impacting college student success: Constructing college learning effectiveness inventory (CLEI). *College Student Journal*, 44(1), 112-125.
- Magesvaran, U., Mahamod, Z., Mahad, I., & Nur Syuhada, I. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah San Min (SUWA) Teluk Intan (sekolah persendirian Cina). In *4th International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. ICBE Publication.
- Mahdun, M., Chan, M. Y., Yap, N. T., Wong, B. E., & Mohd Kasim, Z. (2023). Overpassivisation in L2 acquisition: An examination of L1 Malay ESL tertiary students' passivisation of intransitive verbs in English. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 31(3), 995-1013. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.3.05>
- Melai, Z., & Abang Zainal Abidin, D. N. (2020). Pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: Analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86-106. <https://doi.org/10.33736/ils.2351.2020>
- Mohd A Rashid, S. N., Yaakob, N. A., & Salleh, C. I. (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 34-50.
- Muhammad, S. R., & Sha'ari, S. N. (2020). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dari aspek morfologi dalam penulisan karangan murid sekolah rendah. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 77-89.
- Nagaraju, P., & Subramaniam, V. (2020a). Pembelajaran kata nama terbitan dalam kalangan murid. In N. F. Habidin et al. (Eds.), *Isu dan cabaran dalam pendidikan: Strategi dan inovasi* (pp. 268-286). Penerbit Kaizenrenovation Sdn Bhd.
- Nagaraju, P., Subramaniam, V., & Sha'ari, S. N. (2020b). Tahap penguasaan kata nama terbitan dalam kalangan murid SJK(T). In Z. A. Zainon Hamzah et al. (Eds.), *Eksplorasi idea dan pemikiran melalui bahasa & sastera* (pp. 79-97). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nahar, N., & Abd. Rahman, F. (2018). Tahap profisiensi kemahiran bertutur bahasa Melayu

- dalam Nahar, N. (2020). Hubungan profisiensi bahasa Melayu dengan pencapaian akademik murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 287-316. [https://doi.org/10.37052/jb20\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jb20(2)no5)
- Nahar, N., & Rosly, N. J. (2024). Penguasaan kata nama kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun semasa pandemik COVID-19. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35(1), 55-73. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol35no1.4>
- Narayanan, S. P., & Subramaniam, V. (2021). Pembangunan kit inovasi kata berimbuhan bagi murid sekolah rendah. *Jurnal Melayu*, 51, 394-410.
- Norsimah Mat Awal, N., Abu Bakar, N., & Jalaluddin, N. H. (2012). *Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Zaiton Hanafi, N. Z., Nor Azura Mohd Salleh, N. A., & Zamri Mahamod, Z. (2008). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan pelajar Cina ketika belajar bahasa Melayu. In Z. Mahamod (Ed.), *Psikolinguistik dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Melayu* (pp. 117-145). Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Royo, M. A., & Mahmood, H. (2011). Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran reka cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2(6), 145-174.
- Shanmugan, G., Subramaniam, V., & Sultan, M. T. H. (2025). English speaking anxiety among primary students: Evidence from Tamil vernacular schools in Selangor, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 33(6), 2707-2721. <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.6.25>
- Sieo, W. M., Amini, M., Lee, K. F., Eng Lin, S., Tee, J. N., & Siau, C. S. (2022). Reading strategies in teaching and learning English as a foreign language: A mixed-method study. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(2), 475-499. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.2.04>
- Sivaranam, S. (2019). Penguasaan golongan kata dalam kalangan murid SJK(T). *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 1-24.
- Subramaniam, V., Gokilavani, & Sultan, M. T. H. (2026). Gamification as pedagogical innovation: Evaluating the Story Cube approach to reduce English-speaking anxiety. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 34(1), 401-413. <https://doi.org/10.47836/pjssh.34.1.20>
- Sulaiman, A. R. (2019). Tahap kesediaan guru pendidikan Islam dalam pentaksiran dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sekolah rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(1), 1-7.
- Tengku Din, T. N. S., & Abd Wahab, K. (2022). Kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu dalam Instagram. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(5), 1-14.
- Tengku Pari, T. N. S., & Yussof, R. L. (2012). Enhancing grammar using board game. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 68, 213-221. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.221>
- Tong, Y., Hasim, Z., & Abdul Halim, H. (2022). The impact of L2 vocabulary knowledge on language fluency. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(4), 1723-1751. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.4.14>
- Zhu, L., Rebuschat, P., Nixon, J. S., & Monaghan, P. (2025). Learning morphology from cross-situational statistics. *Studies in Second Language Acquisition*, 47(5), 1250-1276. <https://doi.org/10.1017/S027226312510106X>